

D836

B B775 DEB
LEAD RAHSIA R'R'R'

KUALA LUMPUR, 31 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TELAH MEMBERI JAMINAN KERAJAAN AKAN MENKKAJI SEMULA SECARA TERPERINCI TAKRIF RAHSIA RASMI BAGI MENGHAPUSKAN SEGALA KEKELIRUAN DALAM MENGUATKUASAKAN AKTA RAHSIA RASMI 1972.

MENURUT PERTUBUHAN PENGARANG-PENGARANG AKHBAR MALAYSIA (ONE) DAN KELAB KEBANGSAAN WARTAWAN MALAYSIA (NPC) HARI INI, PERDANA MENTERI JUGA BERJANJI AKAN MENKKAJI MEMORANDUM-MEMORANDUM YANG DIKEMUKAKAN OLEH KEDUA-DUA BADAN ITU.

ONE YANG DIWAKILI OLEH NAIB PRESIDENNNYA ENCİK V.K.CHIN, DAN SETIAUSAHA KEHORMAT ENCİK A.KADIR JASIN, MANAKALA NPC DIWAKILI OLEH PRESIDENNYA ENCİK ZAINUDDIN MAIDIN DAN SETIAUSAHA KEHORMAT CİK HARDEV KAUR MENEMUI DATUK SERI DR MAHATHIR DI PEJABATNYA HARI INI UNTUK MENGEMUKAKAN MEMORANDUM MASİNG-MASİNG.

DALAM MEMORANDUM MASİNG-MASİNG, ONE DAN NPC MENGGESA KERAJAAN MENKKAJI SEMULA CADANGAN MEMİNDA AKTA RASMI 1972 DAN MENTAKRIFKAN DENGAN LEBİH TEPAT MAKSUD +RAHSIA RASMI+. -- LAGI
1814MST 31 03 86

D848

B B779 DEB

LEAD RAHSIA 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI JAMINAN AKTA ITU AKAN DILAKSANAKAN DENGAN BERHATI-HATI DAN ADIL AGAR PIHAK-PIHAK YANG BENAR-BENAR TERBABIT SAHAJA DIHADAPKAN KE MAHKAMAH.

BELIAU MENJELASKAN AKTA ITU DAN PINDAAN YANG DICADANGKAN TIDAK DITUJUKAN SEMATA-MATA KEPADA GOLONGAN WARTAWAN.

PERDANA MENTERI BERKATA PINDAAN ITU DICADANGKAN KERANA KERAJAAN BİMBANG TERHADAP PERBUATAN KAKİTANGANNYA YANG MEMBOCORKAN RAHSIA TERUTAMA RAHSIA-RAHSIA EKONOMI KEPADA KALANGAN PERNİAGAN.

BELIAU MENYEBUT BAGAIMANA SYARAT-SYARAT DAN PETİKAN TENDER KERAJAAN BOLEH DIDAPATI DENGAN MUDAH OLEH KALANGAN PERNİAGAN YANG BERMINAT.

PERBUATAN MEMBOCORKAN RAHSIA KERAJAAN BERLAKU DENGAN BERLELUASA KERANA HUKUMAN YANG ADA SEKARANG TIDAK DİTAKUTI OLEH KALANGAN PERNİAGAN YANG MEMPUNYAI WANG UNTUK MEMBELI RAHSIA DAN MEMBAYAR DENDA JIKA DIDAPATI BERSALAH OLEH MAHKAMAH, TEGAS PERDANA MENTERI.

-- LAGI

1835MST 31 03 86

D838

B 8777 DEB
LEAD RAHSIA 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

MENURUT KENYATAAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BUAT MASA INI KERAJAAN MENGENAKAN TINDAKAN TATATERTIB SEPERTI MEMINDAHKAN KAKITANGAN DAN MENAMATKAN PERKHIDMATAN MEREKA KERANA DISYAKI MEMBOCORKAN RAHSIA.

PERDANA MENTERI MENYEBUT BAGAIMANA KERTAS-KERTAS KABINET DIBOCORKAN LAMA SEBELUM DIKEMUKAKAN KEPADA KABINET.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SETIAP PIHAK YANG MAHU SUPAYA RASUAH DIBASMIKAN PERLU MENERIMA HAKIKAT BAHAWA AKTA RAHSIA RASMI ADALAH PENTING.

KATANYA RAHSIA-RAHSIA RASMI MENGENAI PEMBELIAN ALAT SENJATA TERSEBAR BEGITU LUAS DI KALANGAN PERNIAGAAN SEHINGGA KEWIBAWAAN PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI TENTERA SERING DIPERTIKAIKAN, TAMBAH KENYATAAN ITU. -- LAGI
1817MST 31 03 86

D839

B 8778 DEB
LEAD RAHSIA 4 KUALA LUMPUR R'R'R'

KENYATAAN ITU BERKATA PERDANA MENTERI MENGAKU PADA MASA INI CARA MEMASTIKAN SAMA ADA SESUATU DOKUMEN ITU RAHSIA ATAU SEBALIKNYA ADALAH LONGGAR DAN ADAKALANYA TANDA RAHSIA DILETAKKAN PADA DOKUMEN-DOKUMEN BIASA YANG TIDAK MENGANDUNGI RAHSIA.

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM PROSES KAJIAN SEMULA ITU KERAJAAN AKAN MENENTUKAN KAEDAH YANG TEPAT UNTUK MEMASTIKAN DOKUMEN YANG MANA HARUS DISIFATKAN SEBAGAI RAHSIA RASMI DAN JENIS-JENIS RAHSIA RASMI.

-- BERNAMA
1818MST 31 03 86